

MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA HASiL DAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

CYBERJAYA, 18 Disember 2025 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) hari ini telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dalam satu majlis yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya.

Majlis penandatanganan tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan YBrs. Sr. Abdul Razak Yusak, Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Agenda kerjasama ini dimeterai bagi memperkukuh kerjasama strategik antara HASiL dan JPPH, khususnya dalam aspek perkongsian maklumat penilaian harta bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), selaras dengan usaha ke arah pendigitalan perkhidmatan awam dan penerapan tadbir urus terbaik dalam sistem percukaian negara.

Jalinan kerjasama strategik ini dijangka dapat menyokong pelaksanaan dasar kerajaan dengan lebih berkesan melalui penyelarasan maklumat yang lebih

sistematik, telus dan berintegriti, sekali gus memberi impak positif terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

Sementara itu, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin dalam ucapannya menegaskan bahawa kerjasama strategik ini menjadi semakin signifikan selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri CKHT mulai 1 Januari 2025 serta pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem yang akan diperkenalkan secara berfasa mulai 1 Januari 2026. Beliau berharap agar perjanjian yang dimeterai ini menjadi pemangkin kepada kolaborasi yang berterusan, inovatif dan berimpak tinggi demi manfaat rakyat dan negara.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBr. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) HASiL; YBr. Sr. Hj. Mohd Nazri Ahmad Zahari, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik); YBr. Sr Basarudin Mohd Basir, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) serta pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua agensi.

Secara keseluruhan, pemeteraian MoA ini menzahirkan komitmen kedua-dua agensi dalam memperkukuh sinergi strategik dalam memperkasakan sistem percukaian melalui pendekatan bersepadu, memantapkan pemantauan data strategik, dan menyokong pelaksanaan dasar kerajaan secara konsisten, cekap dan berkesan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Disember 2025

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, KPE HASiL (kiri), YBr. Sr. Abdul Razak Yusak, Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) menyempurnakan MoA mewakili kedua-dua agensi.



Sesi bergambar kenang-kenangan antara HASiL dan JPPH se usai majlis pada hari ini.